# JAWATAN KOSONG

# MAJLIS DAERAH PADANG TERAP

---

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia untuk memenuhi jawatan seperti berikut:- (Keutamaan adalah calon yang dilahirkan dan menetap di Negeri Kedah).

| NAMA JAWATAN | PEMBANTU PENGUATKUASA |
|---|---|

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
Klasifikasi Perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam
Gred Jawatan : KP19
Jumlah Kekosongan : Satu (1)
Taraf Jawatan : Kontrak/Tetap

**JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM**

| KOD GAJI KOMPUTER SSM | GRED GAJI | GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|---|---|
| SSM401KP19000 | KP19 | 1,360.00 | 4,052.00 | 100.00 |

| SYARAT-SYARAT LANTIKAN |
|---|

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,360.00); atau

   ii. Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang

baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,360.00); atau

iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,416.40); atau

iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred KP19: RM 1,472.80).

dan (d) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu

ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;

iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

iv. mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);

v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan

vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

## SYARAT BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan dengan kelayakan 1(c)(i), 1(c)(iii) atau 1(c)(iv) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## DESKRIPSI TUGAS

Membantu membuat operasi penguat kuasaan, penyediaan statistik penguat kuasaan, menyediakan rekod operasi dan pendakwaan, terlibat dengan saksi kes-kes pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari masa ke semasa.